

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

SIARAN MEDIA

DAKWAAN TIDAK TEPAT OLEH FOMCA

KUALA LUMPUR, 28 JANUARI 2023 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (“MyCC”) telah dipanggil untuk menjawab dakwaan berat terhadap MyCC oleh Dato’ Dr Paul Selva Raj bagi pihak Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (“FOMCA”) seperti yang dilaporkan dalam beberapa saluran media semalam, menuduh MyCC gagal menghentikan tingkah laku monopoli Touch 'n Go Sdn. Bhd. dan TnG Digital (selepas ini disebut sebagai “TnG”).

Dalam menjawab dakwaan tersebut, MyCC ingin menjelaskan bahawa MyCC mengetahui akan isu-isu yang dibangkitkan oleh orang awam termasuk FOMCA serta persatuan lain dan MyCC akan terus memantau pasaran di mana pihak TnG beroperasi. Bagi tujuan ini, adalah penting untuk MyCC menjelaskan isu-isu yang berbangkit susulan tindakan TnG untuk memastikan orang awam mendapat maklumat yang lengkap dan yakin dengan komitmen MyCC dalam menggalakkan persaingan secara sihat dalam pasaran-pasaran yang relevan.

MyCC telah mendapat bahawa terdapat salah faham dari FOMCA berkenaan dengan isu monopoli. Akta Persaingan 2010 (“Akta 712”) secara jelas menggariskan bahawa perusahaan yang monopoli atau dominan dalam sesebuah pasaran tidak membawa kepada pelanggaran. Namun begitu, perusahaan yang bersifat monopoli atau dominan melanggar Akta 712 sekiranya ia menyalahgunakan kedudukannya di pasaran. Dalam hal ini, MyCC telah mengenalpasti bahawa status monopoli TnG hanya membabitkan sistem pembayaran tol sahaja. TnG telah menjadi monopoli secara semulajadi berikutan keputusan kerajaan untuk menghapuskan pembayaran tol secara tunai, melalui pewartaan di semua tol di seluruh negara bertujuan untuk mengurangkan kesesakan di semua tol untuk keselesaan pengguna lebuhraya.

Walaubagaimanapun, MyCC tidak mempunyai sebarang kuasa dalam isu-isu kepenggunaan antara TnG dan penggunanya. TnG sebagai penyedia perkhidmatan wang elektronik adalah dibawah seliaan Bank Negara Malaysia (“BNM”) melalui undang-undang dan garis panduan yang berkaitan. Bagi hubungan antara TnG dan



UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

syarikat-syarikat konsensi tol berkenaan pembayaran tol, hal ini adalah di bawah seliaan Lembaga Lebuhraya Malaysia (“LLM”).

Namun begitu, MyCC tetap dengan pendiriannya bahawa isu-isu berkaitan TnG yang dilaporkan ke MyCC adalah melibatkan isu kepenggunaan sahaja berdasarkan penilaian yang menyeluruh yang telah dilaksanakan oleh MyCC yang mana ia jelas menunjukkan bahawa meskipun TnG merupakan monopoli bagi sistem pembayaran tol, kelakuan mereka tidak dikira sebagai pelanggaran Akta 712.

Antara isu-isu terawal berkenaan TnG yang kerap timbul adalah berkenaan dengan isu surc妖 parkir sebanyak 10%, kesukaran untuk menambah nilai berikutan saluran tambah nilai yang terhad, caj tambah nilai sebanyak RM0.50 di sesetengah tempat, kelewatan pembayaran balik bagi kad TnG yang tidak aktif atau hilang dan perkara-perkara melibatkan khidmat pelanggan yang lain. Kesemua isu-isu ini juga telah dibangkitkan oleh FOMCA.

MyCC kemudiannya telah menjelaskan kepada FOMCA bahawa isu-isu tersebut bukan isu-isu persaingan. Malangnya, FOMCA masih tidak menerima kesimpulan yang sah oleh pengawal selia dan tetap berkeras meminta MyCC untuk menangani isu kepenggunaan sedangkan undang-undang Suruhanjaya dengan jelas hanya memfokuskan kepada perkara-perkara berkaitan persaingan. Walaubagaimanapun, campur tangan terhad dari MyCC terhadap isu-isu tersebut telah membawa kepada pelaksanaan perubahan-perubahan oleh TnG. Kini, kami mendapati bahawa:-

- (i) surc妖 parkir telah dimansuhkan oleh TnG di 94% lokasi pada 2021;
- (ii) lebih banyak saluran yang menyediakan perkhidmatan tambah nilai secara percuma telah disediakan;
- (iii) kad TnG NFC telah diperkenalkan bagi membolehkan tambah nilai dilakukan melalui aplikasi TnG e-Wallet; dan
- (iv) pembayaran balik bagi kad yang tidak aktif atau hilang dilakukan dalam tempoh 30 hari seperti yang telah ditetapkan oleh BNM tertakluk kepada maklumat yang lengkap telah diperolehi oleh TnG.

Sesetengah isu di atas telah pun dibangkitkan dan dijawab oleh kerajaan melalui sidang Parlimen seawal 2019 lagi.



UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

MyCC akan meneruskan usahanya dalam membantu kerajaan pada bila-bila masa yang diperlukan dalam isu berkaitan dengan TnG. MyCC sangat menghargai kenyataan yang dikeluarkan baru-baru ini oleh FOMCA dan MyCC berusaha untuk mendapatkan sebarang komen membina yang membolehkan MyCC untuk menilai semula peranannya dalam menggalakkan persaingan dipasaran Malaysia dengan pengecualian terhadap komen yang hanya mengundang kepada tuduhan dan persepsi yang salah.

Pada 17 Januari 2022, MyCC atas inisiatifnya sendiri, sekali lagi telah mengorak langkah dan mengadakan perbincangan bersama PLUS Expressways Berhad dan TnG bagi membincangkan isu-isu berkaitan dengan sistem pelaksanaan identifikasi frekuensi-radio (“RFID”) oleh TnG. Seperti yang dinyatakan oleh MyCC melalui siaran medianya bertarikh 19 Januari 2022 (<https://www.mycc.gov.my/bm/kenyataan-media/mycc-terus-memantau-plus-dan-touch-n-go-untuk-pelaksanaan-rfid>), MyCC telah berkongsi penilaian dan kebimbangannya mengenai pelaksanaan RFID termasuk meminta pertimbangan untuk membolehkan pembayaran tol dibuat bukan sahaja menggunakan kad debit atau kredit tetapi juga sistem *e-wallet* yang lain.

Seminggu selepas kenyataan MyCC disiarkan, mantan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadhillah Yusof telah mengeluarkan seruan kepada semua syarikat konsensi lebuhraya untuk bersiap sedia dengan pelaksanaan Aliran Bebas Pelbagai Lorong (“MLFF”) yang merupakan sistem kutipan tol tanpa henti. Menjelang pelaksanaan MLFF kelak, pengguna lebuhraya juga boleh menggunakan lain-lain cara pembayaran digital, lantas menghapuskan monopoli untuk sistem pembayaran tol oleh TnG.

Baru-baru ini pada bulan Januari 2023, kekecewaan orang awam dengan produk dan perkhidmatan TnG termasuk RFID, kad TnG NFC dan kad TnG Visa telah mencapai kemuncaknya. Sebagai salah satu pihak yang terlibat dalam jawatankuasa khas yang telah ditubuhkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), MyCC bersama-sama KPDN telah menekankan kepada TnG berkenaan kekeliruan yang timbul disebabkan penjenamaan TnG pada kad Visa tersebut sedangkan kad TnG Visa ini tidak boleh digunakan untuk pembayaran tol dan pengangkutan awam. Tambahan lagi, TnG perlu mempraktikkan cara komunikasi yang lebih efektif untuk



UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

memastikan pengguna sedia maklum berkenaan hal ini dan hal-hal lain yang dikaitkan dengan TnG memandangkan orang awam dilihat tidak mengetahui fakta sebenar, termasuk fakta mengenai ketidakserasan antara cip yang digunakan dalam kad TnG biasa dengan cip yang terkandung dalam kad Visa.

Selain isu berkaitan kad TnG Visa, MyCC juga menyedari tentang kegagalan pihak TnG dalam menangani kegusaran orang awam berkaitan isu “scalper” yang didapati menjual kad TnG NFC pada harga yang terlampau tinggi. MyCC menghargai usaha TnG dalam memenuhi permintaan yang tinggi untuk kad TnG NFC meskipun berdepan dengan masalah kekurangan pengeluaran cip di peringkat global. Namun, TnG seharusnya mengambil langkah yang lebih tegas terhadap “scalper” yang telah mengakibatkan kerugian kepada pengguna yang terpaksa membayar harga yang sangat tinggi demi menikmati ciri-ciri yang dimiliki oleh kad TnG NFC. MyCC juga telah menasihati TnG supaya lebih telus berkenaan kad TnG NFC edisi khas yang dijual pada harga RM25 dari segi kos sebenar terutamanya jumlah yang akan disalurkan ke badan-badan yang berkenaan kerana orang awam tahu bahawa harga kad TnG NFC yang biasa hanya dijual pada harga RM10 dan terdapat kekurangan kad NFC di pasaran melalui saluran TnG.

Bagi isu berkaitan RFID, MyCC menyokong sepenuhnya pendirian KPDN yang menegaskan TnG perlu lebih proaktif dalam menjawab isu-isu berikutan pelaksanaan RFID. TnG telah dinasihatkan untuk menambah jumlah lokasi bagi pusat khidmat pelanggannya bagi memudahkan penggunanya untuk menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi dengan produk dan perkhidmatan TnG serta membolehkan TnG untuk menjalankan advokasi bagi memastikan pelaksanaan yang lebih efektif dan kelancaran peralihan kepada penggunaan RFID untuk pembayaran tol.

MyCC telah berusaha gigih sejak tahun 2019 untuk mempertingkatkan kuasanya melalui pindaan terhadap Akta 712 dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 yang dijangka akan dibentangkan di Parlimen tahun ini. Fokus pindaan ini adalah mengenai kuasa MyCC dalam menyiasat dan menguatkuasakan undang-undang termasuk pengenalan rejim kawalan penggabungan bagi menghalang pembentukan baharu kartel dan monopoli. Cabaran-cabaran yang dihadapi berikutan pandemik Covid-19 dari



**UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI**

tahun 2020 hingga 2022 tidak pernah menghalang MyCC dari meneruskan matlamatnya untuk merealisasikan pindaan ini.

MyCC akan terus berusaha untuk melaksanakan mandat kerajaan secara efisien dan efektif dengan komitmen untuk memastikan budaya persaingan terus kondusif dan pasaran boleh berfungsi dengan baik untuk pengguna, perusahaan dan ekonomi. Tanggungjawab MyCC dalam membanteras kartel, menangani penyalahgunaan kuasa monopoli dan penggabungan yang bermasalah bukanlah tugas yang mudah. Orang awam dan pengamal media diminta untuk membenarkan undang-undang berjalan tanpa gangguan dan menghentikan segala spekulasi. Sementara itu, MyCC mengalu-alukan kesudian mana-mana pihak untuk tampil berbincang dengan MyCC. Kami berharap sebarang spekulasi yang tidak benar oleh mana-mana pihak dapat dihentikan bagi mengelakkan sebarang gangguan yang tidak diingini, kekeliruan dan kekecewaan yang tidak seharusnya ada dalam kalangan orang awam.

Dato' Seri Mohd Hishamudin Yunus

Pengerusi

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

28 Januari 2023

-tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit: +6019 215 2273

Emel: cad@mycc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-10 pada 1 April 2021 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkuuhkan kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang www.mycc.gov.my.